

Konsep Islam Hadhari elak salah faham dunia

Malaysia tawar pengalaman untuk dikongsi negara bukan Islam: PM

BH, Khamis 21/6/2007

Mustapa Omar
Moscow, Russia



MALAYSIA semalam menawarkan pengalamannya memberi kefahaman mengenai Islam kepada masyarakat bukan Islam menerusi konsep Islam Hadhari, untuk dikongsi dan dipelajari bersama oleh negara lain dalam usaha mengelakkan salah tanggapan terhadap agama itu.

Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata umat Islam bertanggungjawab menonjolkan wajah sebenar Islam kepada dunia dan Islam Hadhari adalah sumbangan Malaysia terhadap usaha memberikan kefahaman lebih baik mengenai Islam.

"Kami menyedari keperluan untuk mengamalkan pendekatan Islam yang betul dalam masyarakat pelbagai kaum di negara kami. Oleh itu, kami jadikan Islam sebagai faktor penyatuan, bukan perpecahan.

"Konsep Islam Hadhari mengingatkan umat Islam dan mendedahkan kepada bukan Islam bahawa Islam pada realitinya adalah agama yang toleran, progresif dan cintakan ke damaian. Ia juga sebahagian daripada proses pembangunan negara dalam masyarakat pelbagai etnik serta

agama di Malaysia.

"Kami minta masyarakat bukan Islam di negara kami memahami bahawa konsep itu satu bentuk tadbir urus yang menjamin keadilan kepada semua," katanya ketika berucap selepas menerima anugerah kehormat Doktor Honoris Causa dari Moscow State Institute of International Relation, di sini, semalam.

Abdullah berkata, untuk mengelak salah faham di kalangan umat Islam, kerajaan sentiasa menekankan bahawa Islam Hadhari bukan agama atau mazhab baru, malah bukan juga satu pemikiran baru mengenai Islam, sebaliknya gambaran sebenar mengenai Islam.

Beliau yang dalam rangka lawatan rasmi tiga hari ke Russia berakhir semalam, turut menegaskan Malay-

“ Kami menyedari keperluan untuk mengamalkan pendekatan Islam yang betul dalam masyarakat pelbagai kaum ”

Abdullah Ahmad Badawi
Perdana Menteri

sia menyokong penuh pelbagai usaha pada peringkat antarabangsa bagi meningkatkan kefahaman mengenai budaya dan peradaban, terutama diamalkan di Barat dan dunia Islam.

"Kami percaya dialog seperti itu akan mendedah dan membuktikan fakta bahawa Islam adalah agama yang universal, bukan eksklusif.

"Masyarakat antarabangsa perlu memastikan sifat kepelbagaian dan majmuk dapat diterima dalam soal hubungan antara negara. Kita perlu gunakan sepenuhnya potensi sedia ada dalam kedua-dua faktor ini, bukan membiarkannya mewujudkan ketakutan dan perpecahan," katanya.

Perdana Menteri berkata, dialog antara budaya dan peradaban perlu diadakan pada semua peringkat dalam masyarakat antarabangsa sama ada di kalangan cendekiawan, penulis, aktivis, kalangan akademik sehinggalah wartawan.

"Malaysia percaya dialog adalah cara paling berkesan dalam usaha merapatkan jurang perbezaan antara budaya dan peradaban. Dialog membabitkan kerajaan dalam konteks pelbagai hala adalah pilihan terbaik bagi mewujudkan perdamaian dan keselamatan sejagat," katanya.

Mengenai tanggapan konflik membabitkan negara Islam berlaku disebabkan kesilapan umat Islam dan masalah itu dapat diatasi menerusi pembaharuan atau perubahan dalam

Islam itu sendiri, Abdullah berkata, perkara itu perlu diperbetulkan.

Katanya, tidak betul menyalahkan agama sebagai punca konflik di kalangan rakyat dan negara kerana semua agama menyeru kepada perdamaian dan keharmonian, selain bersikap toleran dengan pihak lain.

"Malah, tiada bukti sejarah menunjukkan agama adalah punca konflik atau meningkatnya ketegangan antara Barat dan Islam. Saya percaya sebahagian besar salah faham terhadap Islam di Barat berlaku kerana kurangnya kefahaman," katanya.

Beliau berkata, Barat wajar mengelak daripada menilai Islam berdasarkan tindakan golongan minoriti berpandangan dan berkelakuan ekstrem, kerana mereka yang melakukan jenayah, tetapi tetap mengaku Islam ini terlalu kecil dibanding 1.4 bilion umat Islam di seluruh dunia.

"Mereka perlu memahami bahawa elemen terpinggir ini bukanlah ciri Islam sebenar. Sebarang penolakan terhadap hakikat ini boleh menimbulkan prejudis terhadap Islam, sekali gus mencemar realiti Islam sebenar," katanya.

Abdullah berkata, media antarabangsa juga sebenarnya turut bertanggungjawab menyebabkan salah faham ini kerana memberi publisiti yang keterlaluan kepada pandangan dan tindakan ekstremis, walaupun ia mungkin berlaku tanpa niat.